



29 Oktober 2019
29 October 2019
P.U. (B) 549

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN BAGI PERUBAHAN PELAN TEMPATAN BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

NOTICE OF PROPOSAL FOR ALTERATION OF LOCAL PLAN FOR THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

NOTIS CADANGAN BAGI PERUBAHAN PELAN TEMPATAN BAGI
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 dan 17 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*], Datuk Bandar Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan bagi perubahan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020.

Sesalinan draf cadangan bagi perubahan itu boleh diperiksa atau dibeli pada waktu pejabat di Jabatan Perancangan Bandar Raya, Tingkat 14, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dari 1 November 2019 hingga 2 Disember 2019.

Fi bagi pembelian salinan draf cadangan bagi perubahan itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Fi bagi Pembelian Draf Cadangan bagi Perubahan Pelan Tempatan) 2019 [*P.U. (A) 290/2019*].

Orang awam dipelawa untuk membuat bantahan atau representasi berkenaan dengan draf cadangan bagi perubahan itu secara bertulis dengan menyatakan alasan bagi bantahan atau representasi itu kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur di Jabatan Perancangan Bandar Raya, Tingkat 9, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada atau sebelum 2 Disember 2019.

Datuk Bandar Kuala Lumpur akan menetapkan masa dan tempat untuk mendengar bantahan atau representasi yang dibuat.

Dibuat 29 Oktober 2019
[DBKL/JUP/BPPP/GN/808 JLD. 3; PN(PU2)396/VII]

DATO' NOR HISHAM BIN A DAHLAN
Datuk Bandar Kuala Lumpur

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

NOTICE OF PROPOSAL FOR ALTERATION OF LOCAL PLAN FOR
THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR

IN exercise of the powers conferred by sections 14 and 17 of the Federal Territory (Planning) Act 1982 [Act 267], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur gives notice of the proposal for the alteration of the Kuala Lumpur City Plan 2020.

A copy of the draft proposal for alteration may be inspected or purchased during office hours at the Department of Town Planning, Level 14, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur from 1 November 2019 to 2 December 2019.

The fee for the purchase of a copy of the draft proposal for alteration shall be as prescribed in the Federal Territory (Planning) (Fee for Purchase of Draft Proposal for Alteration of Local Plan) Rules 2019 [*P.U. (A) 290/2019*].

The public is invited to make objections or representations in respect of the draft proposal for alteration in writing stating the grounds for the objections or representations to the Commissioner of the City of Kuala Lumpur at the Department of Town Planning, Level 9, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur on or before 2 December 2019.

The Commissioner of the City of Kuala Lumpur will fix a time and place to hear the objections or representations made.

Made 29 October 2019
[DBKL/JUP/BPPP/GN/808 JLD. 3; PN(PU2)396/VII]

DATO' NOR HISHAM BIN A DAHLAN
Commissioner of the City of Kuala Lumpur